



Headline	Makan bersama terakhir		
MediaTitle	Berita Harian Online(www.bharian.com.my)		
Date	31 Jul 2013	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	300
Page No	1	Readership	8
Language	Malay	ArticleSize	0 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,300
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,900

Makan bersama terakhir

[Link: http://c.moreover.com/click/here.pl?z9439085822&z=1600249527](http://c.moreover.com/click/here.pl?z9439085822&z=1600249527)

AM Oleh Mohd Iskandar Ibrahim | mohd_iskandar@mediaprima.com.my Cetak Emel Kawan
Paparannya muka depan BH hari ini. 5 sahabat maut dalam nahas selepas makan bersama di Kulaijaya, Johor. Kulaijaya: Kegembiraan enam sahabat keluar makan bersama sebelum masing-masing pulang bercuti Aidilfitri, bertukar tragedi apabila lima daripada mereka maut dalam nahas ngeri di Kilometer 21, Jalan Johor Bahru-Ayer Hitam di sini, awal pagi semalam. Dalam kemalangan jam 2.30 pagi itu, Mohd Fadzli Mohd Fakri, 20, berasal dari Kelantan; Hairul Adham Hamidan, 26, (Melaka); Nor'ain Alias, 23, (Kota Tinggi) serta pelajar Diploma Kejuruteraan Marin UniKL, Nazierul Khalies Mohd Ashari, 19, (Johor Bahru); dan Siti Sabariah Mohd Nordin, 24, (Kelantan) maut di tempat kejadian. Kenderaan milik abang Seorang lagi, Nor Syarifah Hazwani Bardaidi, 21, pembantu stesen minyak di Johor Bahru cedera ringan selepas kenderaan pelbagai guna (MPV) Honda Odyssey milik abang kepada Mohd Fadzli yang dinaiki mereka terbabas. Ketua Polis Daerah Kulaijaya, Superintendan Zulkefly Yahya, berkata kemalangan berlaku apabila kenderaan dipandu Mohd Fadzli terbabas naik ke atas pembahagi jalan sebelum merempuh tiang lampu serta pokok di tempat kejadian. Katanya, akibat rempuhan itu, empat penumpang yang duduk di tempat duduk belakang MPV terbabit tercampak keluar, manakala pemandu MPV tersepit dalam kenderaan yang remuk itu. "Siasatan awal mendapati enam rakan terbabit dalam perjalanan pulang ke rumah masing-masing selepas berjumpa dengan seorang rakan mereka di sebuah restoran di bandar Kulai, sebelum masing-masing pulang bercuti sempena Aidilfitri. Hilang kawalan "Bagaimanapun, dalam perjalanan pulang ke rumah sewa masing-masing, kenderaan dinaiki mereka dipercayai hilang kawalan sebelum merempuh tiang lampu serta pokok," katanya. Zulkefly berkata, lima mangsa mati di lokasi kejadian kerana cedera parah di kepala dan tubuh badan masing-masing, sementara mangsa yang terselamat kini dirawat di Hospital Sultanah Aminah (HSA). "Mayat semua mangsa dibedah siasat di Hospital Kulaijaya sebelum diserahkan kepada waris masing-masing untuk pengebumian," katanya. Zulkefly memohon kerjasama orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat berhubung kejadian itu supaya menghubungi mana-mana balai polis berhampiran bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987. Untuk lebih gambar dan berita dapatkan BH hari ini atau layari BH Digital di <http://subscription.nstp.com.my/>